



**NOTIS SEBUT HARGA
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada Pembekal/ Kontraktor/ Syarikat yang berpengalaman serta berkeupayaan dan **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 220801 (Kawalan Keselamatan)** dengan **pendaftaran masih sah laku tempohnya** dan **mestilah berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah melalui sistem iDaftar** adalah dipelawa menyertai Sebut Harga ini:

Bil	Bekalan	Kod Bidang	Tarikh dan Masa Tutup Sebut Harga
1	Sebut Harga : PTG.K (S) 3/2023 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) Di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah Darul Aman Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2024-2025).	220801 Kawalan Keselamatan (Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) Seksyen 2(a))	19 November 2023 (Ahad) 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada Syarikat yang sah sahaja. Sehubungan dengan itu, Syarikat perlu membuat pendaftaran bagi bekalan/ perkhidmatan secara atas talian melalui **Sistem iDaftar** di pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) untuk tujuan pembelian Dokumen Sebut Harga.

3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh **diperolehi / dibeli** melalui **Sistem iDaftar** di pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran atas talian mengikut No. Tawaran iaitu **PTG.K (S) 3/2023** bagi jumlah **RM10.00** sebelum dokumen *softcopy* Sebut Harga dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan Dokumen Sebut Harga dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

Tarikh Buka/Jual : 05 November 2023 (Ahad)

Tarikh Tutup : 19 November 2023 (Ahad)

4. **Syarikat dikehendaki menyemak No. Siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui Sistem iDaftar dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada ruang kotak halaman muka depan Dokumen Sebut Harga yang telah disediakan.** Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.

5. Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran Dokumen Sebut Harga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut Harga dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**

6. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, Wisma Negeri, 05576 Alor Setar, Kedah Darul Aman (Aras 1)** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, hari **Ahad** bertarikh **19 November 2023**.


7. Jabatan ini **tidak terikat** untuk menerima tawaran harga yang terendah atau mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Khidmat Pengurusan)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman